

Ahli politik perlu buktikan janji utamakan rakyat

Seri Paduka titah beri tumpuan bantu kerajaan tangani penularan COVID-19



Kuala Lumpur: Pertubuhan mewakili kakitangan awam dan swasta serta usahawan belia negara ini, menuntut semua ahli politik membuktikan janji mereka mengutamakan kepentingan dan kebajikan rakyat, berbanding agenda peribadi dan kepartian dalam situasi negara berdepan pandemik COVID-19 ketika ini.

Titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, supaya mengutamakan kesejahteraan rakyat, sewajarnya mendorong mereka menghentikan pertelingkahan politik yang masih berterusan ketika ini.

Justeru, semua parti dan ahli politik, sama ada kerajaan atau pembangkang, perlu mengetepikan perbezaan buat sementara waktu, dan memberi tumpuan membantu kerajaan dan penjawat awam menangani gelombang ketiga penularan COVID-19.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata ahli politik perlu duduk berbincang dan memutuskan cara terbaik membantu rakyat yang semakin tertekan situasi semasa politik dan lonjakan kes

Sekiranya negara terus terjerumus dengan pertikaian politik yang tidak berkesudahan, usaha untuk mencegah penularan COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara tidak akan dapat dilaksanakan.

Adnan Mat, Presiden CUEPACS

harian COVID-19.

"Sekiranya pemimpin politik benar-benar ikhlas dalam menjaga kebajikan rakyat, akurilah dengan gencatan politik yang dicadangkan dan berikan tumpuan sepenuhnya terhadap usaha membantu rakyat.

"Ketika ini, kerajaan dan penjawat awam bukan sahaja bertungkus-lumus mencegah penularan COVID-19, malah giat melaksanakan pelbagai agenda dan program memulih-

kan semula ekonomi negara. "Sekiranya negara terus terjerumus dengan pertikaian politik yang tidak berkesudahan, usaha untuk mencegah penularan COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara tidak akan dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau mengulas titah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kelmarin, yang menitahkan semua ahli politik menghentikan politik yang tidak berkesudahan dan tindakan tidak bertangjawab yang boleh mengganggu gugat kestabilan kerajaan.

Adnan menasihatkan kebimbangan, situasi politik tidak stabil dan lonjakan kes berterusan berisiko melunturkan motivasi kerja penjawat awam, khususnya petugas di barisan hadapan.

Katanya, ia kerana jika perbalahan politik berterusan dalam keadaan kes pandemik itu meningkat, penjawat awam mungkin merasakan terpaksa melakukan kerja yang tiada berkesudahan tanpa sokongan daripada semua pihak.

"Petugas barisan hadapan juga sudah terlalu penat untuk menghadapi situasi yang sama setiap hari," katanya.

Timbalan Presiden Kongres

Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani, berkata semua pihak perlu sedar yang penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sebelum ini, sudah memberi kesan besar kepada ekonomi negara.

"Sewajarnya ahli politik tidak meneruskan apa jua percaturan. Sepatutnya, semua pihak, tanpa mengira parti politik berganding bahu membantu kerajaan menangani pandemik COVID-19 ini," katanya.

Setiausaha Agung Persatuan Tunas Usahawan Nasional (PERTUNAS), Nurliyana Muhammad, berkata kerakusan ahli politik mengejar kuasa, menyebabkan golongan belia menjauhkan diri daripada 'politik dinosaur' yang mencapai tahap mual dan menjengkelkan.

Beliau berkata, sikap pemimpin politik ketika ini yang lebih mengutamakan tembok masing-masing dan meminggirkan agenda kepentingan rakyat bakal meranapkan harapan yang disandarkan kepada mereka khususnya golongan belia.

"Sepatutnya mereka fokus pada Belanjawan 2021 dengan



Sewajarnya ahli politik tidak meneruskan apa jua percaturan. Sepatutnya, semua pihak, tanpa mengira parti politik berganding bahu membantu kerajaan menangani pandemik COVID-19 ini.

Mohd Effendy Abdul Ghani, Timbalan Presiden MTUC

membuatkan ia sarat pemangkin memulihkan ekonomi dan meramaikan usahawan, khususnya dalam kalangan belia yang mampu merencanakan ekonomi domestik.

"Titah Yang di-Pertuan Agong sudah terang lagi bersuluh supaya mereka ketepikan agenda peribadi dan beri keutamaan kepada 'perluik nasi' rakyat.

"Belia ketika ini ramai yang hilang punca pendapatan dan mereka perlukan hala tuju dan pembelaan daripada kerajaan, kalau pemimpin sibuk bertelagah serta kejar agenda peribadi, apa nasib kami?"

"Lebih baik, pemimpin yang selama ini gesa rakyat supaya dengar arahan kerajaan dalam memerangi COVID-19, kini bertindak cakap serupa bikin dengan mematuhi titah Agong," katanya.



Keratan akhbar BH, semalam.